

## **PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PEMULIHARAAN WARISAN DI LEMBAH LENGGONG, PERAK**

*DAENG HALIZA DAENG JAMAL\**  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[haliza.j@umk.edu.my](mailto:haliza.j@umk.edu.my)

*NORDIANA AB JABAR*  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[nordiana.aj@umk.edu.my](mailto:nordiana.aj@umk.edu.my)

*SURAYA SUKRI*  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[suraya@umk.edu.my](mailto:suraya@umk.edu.my)

*FARRAH ATIKAH SAARI*  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[atikah.s@umk.edu.my](mailto:atikah.s@umk.edu.my)

*MOHD SAIPUDDIN SULIMAN*  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[saipuddin.s@umk.edu.my](mailto:saipuddin.s@umk.edu.my)

*NORAZLINDA MOHAMED ROSDI*  
*Universiti Malaysia Kelantan*  
[norazlinda@umk.edu.my](mailto:norazlinda@umk.edu.my)

*\*Pengarang Perantara*

### **ABSTRAK**

Lembah Lenggong adalah salah satu tapak arkeologi yang penting dalam kalangan ahli arkeologi setelah mendapat pengiktirafan dari *The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) pada 2012. Data arkeologi yang ditemui di Lembah Lenggong membuktikan bahawa daerah kecil ini telah menjadi antara penyumbang penting dalam warisan yang ada di Malaysia. Bagi memastikan warisan bangsa dapat dipertahankan maka, komuniti setempat perlu memainkan peranan proaktif dalam menyokong usaha pihak bertanggungjawab. Justeru, makalah ini bertujuan mengenalpasti penglibatan komuniti setempat di kawasan tinjauan di Lembah Lenggong. Kaedah tinjauan dengan pemerhatian di lapangan digunakan sebagai kaedah kajian. Data dianalisis dengan pendekatan analisis kandungan. Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of Participation*) yang dikemukakan oleh Arnstein (1969) dijadikan panduan dalam menganalisis penglibatan komuniti bagi kajian ini. Hasil tinjauan di lapangan mendapati, terdapat empat warisan tidak ketara yang menjadi identiti bagi daerah Lembah Lenggong iaitu makanan warisan Kebebe, Cendol Sagu Rumbia, dialek Melayu Patani dan pembuatan atap rumbia. Kajian ini juga membuktikan komuniti setempat proaktif dalam melestarikan warisan yang terdapat di kawasan mereka. Penyertaan komuniti

setempat dalam pemuliharaan warisan dilihat berpotensi memberi kesan positif kepada perkembangan ekonomi dan sosial setempat.

**Kata kunci:** Warisan; Lenggong; komuniti; pemuliharaan; pelestarian

## COMMUNITY INVOLVEMENT IN HERITAGE CONSERVATION IN LENGGONG VALLEY, PERAK

### ABSTRACT

The Lenggong Valley is one of the important archaeological sites among archaeologists after being acclaimed by The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO) in 2012. Archaeological data found in the Lenggong Valley proves that this small region has been a crucial element to Malaysia's heritage. To ensure the preservation of cultural heritage, the local community must take a proactive role in assisting responsible parties. Therefore, this paper aims to explore the involvement of the local community in the study area of Lenggong Valley. The survey method with field observation was used as the research method. Data were analyzed using a content analysis approach. Arnstein's Ladder of Participation framework (1969) was used as a guide in analyzing community involvement for this study. Field surveys found four intangible heritages that have become identities of the Lenggong Valley region, namely Kebebe, Cendol Sagu Rumbia, Patani Malay dialect, and the production of rumbia roofs. This study proves that the local community is proactively engaged in preserving the heritage in their area. Local community participation in heritage preservation is seen as having the potential to have a beneficial effect on local economic and social development.

**Keywords:** Heritage, Lenggong, community, conservation and sustainability.

### PENGENALAN

Komuniti setempat merupakan pemegang utama warisan di kawasan mereka. Dalam erti kata lain, komuniti setempat berperanan sebagai penjaga, pelindung, penggerak dan pembangun warisan budaya mereka. Warisan merangkumi tradisi, adat istiadat, bahasa, seni, seni bina, makanan, dan pelbagai aspek kehidupan budaya mereka. Menerusi warisan, identiti kolektif komuniti setempat juga dapat dibentuk. Penglibatan komuniti setempat dalam perlindungan warisan dilihat dapat menghubungkan mereka dengan sejarah, mengukuhkan ikatan sosial dan mempertahankan identiti mereka sebagai kumpulan atau masyarakat tertentu. Situasi ini dilihat penting terutamanya di tapak-tapak warisan atau objek bersejarah bagi memastikan usaha melestarikan warisan tersebut mencapai tahap yang optimum. Antara tapak yang kaya dengan warisan ialah Lembah Lenggong di Perak.

Lembah Lenggong bukan sahaja terkenal di Malaysia tetapi juga di peringkat antarabangsa setelah daerah ini diiktiraf sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 2012. Pengiktirafan ini rentetan hasil penyelidikan arkeologi yang dilakukan oleh sarjana tempatan

dan Jabatan Warisan Negara (JWN) yang menemukan sembilan tapak penempatan masyarakat prasejarah Paleolitik di Lenggong (<https://www.heritage.gov.my/info/pejabat-zon-tengah/tapak-warisan-dunia-unesco-lembah-lenggong.html> 2022).

Data arkeologi ini telah menguatkan sumber sejarah yang membuktikan bahawa Lembah Lenggong merupakan tumpuan penempatan masyarakat sehingga kini. Jika ditelusuri sepintas lalu, Lenggong mempunyai sejarah pembentukan yang panjang bermula dari penempatan prasejarah dan terus menjadi kawasan penempatan masyarakat sehingga kini. Penemuan tapak arkeologi di Lembah Lenggong membuktikan daerah ini pernah menjadi lokasi penempatan masyarakat prasejarah bermula zaman Paleolitik, Neolitik hingga ke zaman Logam. Menerusi pentarikan kronometrik, tapak-tapak arkeologi di Lembah Lenggong berusia 1.83 juta hingga 1,700 tahun yang lalu. Penemuan rangka Perak Man dengan barang iringan yang dijumpai di tapak pengkebumian membuktikan masyarakat ketika itu mempunyai kebudayaan tersendiri (Jabatan Warisan Negara, 2014). Lembah Lenggong terus menjadi tumpuan penempatan manusia, dari prasejarah ke protosejarah hingga kini.

Sebahagian besar masyarakat Melayu Lenggong berketurunan Melayu Patani. Hal ini bertepatan dengan kedudukan geografi Hulu Perak yang bersempadan dengan Thailand. Selain itu, berdasarkan catatan sejarah, pada awal abad ke-18 orang-orang Reman dari selatan Thailand telah berjaya menakluk Hulu Perak sehingga berjaya membentuk wilayah pemerintahannya sehingga Kota Tampan, Lenggong (Jabatan Warisan Negara 2014).

Namun, pada akhir kurun ke-19, sebahagian kawasan Hulu Perak yang terletak di bawah kekuasaan Kerajaan Reman diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak menerusi perjanjian di antara Kerajaan Thailand dan Kerajaan Negeri Perak. Rentetan itu, persempadanan politik antara Thailand dan Perak berlaku seperti yang dapat dilihat seperti pada hari ini (Ibrahim Syukri 2020). Penaklukan orang-orang Reman di Hulu Perak dan Perjanjian Inggeris-Siam pada 1909 telah menyebabkan masyarakat Melayu Patani terus menetap di daerah Gerik, Lenggong, Sauk, Kati, Klian Intan dan Pangkalan Hulu. Maka, Melayu Patani hidup bersama-sama masyarakat Melayu asal, Melayu Mandailing, Orang Asli Negrito, masyarakat Cina dan India di Hulu Perak (Jabatan Warisan Negara 2014). Dihuni seramai 12,525 orang penduduk pada masa kini, Lembah Lenggong mempunyai pelbagai daya tarikan merangkumi keindahan alam semula jadi dan produk warisannya. Majoriti masyarakat di Lenggong terdiri daripada kaum Melayu (8,096 orang), Cina (2,451 orang), India (118 orang), Bumiputera lain (1,505 orang) dan lain-lain (15 orang) (<https://ptg.perak.gov.my/portal/ms/web/gerik/geografi-daerah> 2022).

## WARISAN DI LEMBAH LENGGONG

Antara warisan yang terdapat di daerah kecil yang terletak di Hulu Perak ini adalah warisan tidak ketara yang didapati semakin diancam kepupusan. Dalam bahasa yang mudah difahami, warisan tidak ketara bermaksud warisan yang berhubungkait dengan kemahiran, ilmu dan kebitaraan masyarakat dalam menghasilkan sesuatu produk kebudayaannya seperti makanan, tradisi lisan, perayaan, ritual, adat, bahasa, ilmu pertukangan kraftangan, sukan, ilmu perubatan tradisional dan seni persembahan (Akta Warisan Kebangsaan 2005). Bagi meneroka keunikan warisan tidak ketara di Lenggong, penulisan ini menumpukan beberapa produk warisan meliputi warisan tidak ketara iaitu makanan tradisi masyarakat tempatan dan dialek. Pengiktirafan Lenggong sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 2012 telah menjadikan daerah kecil ini terkenal di persada antarabangsa. Justeru, secara tidak langsung warisan-warisan yang ada juga terus dipertahankan dan dapat mengetengahkan kearifan tempatan menerusi warisan tidak ketaranya. Selain itu, pengiktirafan yang diperolehi ini amat membanggakan rakyat Malaysia khususnya masyarakat Lembah Lenggong dan rakyat

Malaysia amnya. Penganugerahan yang diperolehi ini secara tidak langsung dapat meningkatkan sumber ekonomi menerusi pelancongan arkeologi. Penglibatan semua pihak dalam mengekalkan status Lembah Lenggong ini juga dapat mempertahankan warisan yang ada (Fatimah 2013).

## SOROTAN LITERATUR

Tinjauan kajian lepas dilakukan bagi menjelaskan kajian yang dijalankan berdasarkan maklumat dan pengetahuan tentang hubung kait isu yang hendak dikaji. Dalam kajian ini, data sekunder diperolehi dengan meneliti bahan-bahan yang diperolehi hasil dari kajian kepustakaan berdasarkan kata kunci yang ditetapkan seperti warisan, pemuliharaan warisan dan penglibatan komuniti. Carian berdasarkan kata kunci dilakukan bagi memastikan sorotan literatur dapat dibuat dengan berfokus dan menyeluruh. Warisan secara mudahnya difahami sebagai perlakuan yang diturunkan dari generasi ke generasi dan akhirnya menjadi budaya hidup. Manakala dalam artikel *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage* (CSICH, 2003) telah mendefinisikan warisan tidak ketara sebagai amalan, perwakilan, ungkapan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak, dan ruang budaya yang berkaitan dengan komuniti, kumpulan atau individu tersebut mengakui warisan tidak ketara ini sebahagian daripada warisan budaya mereka. Secara umumnya warisan terbahagi kepada dua, warisan ketara (tangible) dan warisan tidak ketara (intangible). Manakala menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 pula memecahkan warisan kepada empat kategori iaitu warisan kebudayaan kebangsaan meliputi warisan ketara (tangible) dan warisan tidak ketara (intangible), warisan alam semula jadi, warisan budaya bawah air dan warisan orang hidup (tokoh). Namun, tinjauan literatur dalam kajian ini memfokuskan warisan tidak ketara yang terdiri daripada manifestasi budaya yang bukan material dan mewakili pelbagai warisan hidupan manusia (Federico Lenzerini, 2011).

Kajian oleh Muhammad Syahir (2018) iaitu terhadap Keunikan Makanan Tradisional Masyarakat Keturunan Melayu Jawa ke Arah Kelestarian Budaya dan Pelancongan bertujuan untuk meneroka dan memahami tentang keunikan makanan tradisional keturunan Jawa Johor dalam pelestarian terhadap budaya pelancongan. Kajian ini adalah terhadap jenis-jenis makanan tradisional Jawa Johor, keunikan makanan tradisional Jawa dan mengaitkan makanan tradisional Jawa dengan pelestarian budaya dan pelancongan. Hasil temu bual bersama tiga orang informan dari Yayasan Warisan Johor telah menemukan permasalahan terhadap tahap kelestarian budaya pelancongan dalam konteks makanan tradisional yang sangat berkurangan dan agak krtikal. Hal ini kerana kurangnya penyelidikan berkenaan tentang makanan tradisional Jawa Johor bagi memastikan makanan tradisi ini tetap mempunyai kesinambungan dan kekal dipulihara. Dapatan kajian ini juga turut memperlihatkan keunikan yang ditonjolkan terhadap makanan tradisional Keturunan Jawa Johor kepada masyarakat umum dan yang terakhir ialah pengkaji mengaitkan makanan tradisional Jawa johor ini dengan pelestarian budaya pelancongan dan mengekalkan kesinambungan makanan tradisional Jawa Johor kepada masyarakat agar tidak pupus ditelan zaman.

Muhamad Fadzllah (2016) pula mengkaji tentang makanan tradisional masyarakat Melayu Sarawak. Secara umumnya kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti jenis makanan yang dihasilkan oleh masyarakat Melayu Sarawak. Permasalahan kajian ini menyatakan bahawa kurang pendedahan dan penerangan secara terperinci mengenai makanan tradisional masyarakat Melayu Sarawak dan kurangnya pendedahan tahap pengetahuan terhadap makanan warisan ini. Oleh itu, pengkaji menjalankan kajian ini bagi memulihara makanan tradisional ini supaya kekal dan terus diamalkan. Hasil dapatan kajian ini juga turut memperkenalkan

jenis-jenis makanan dan pengaruh makanan tradisional kepada masyarakat Melayu Sarawak dan pada masa yang sama dapat dikomersialkan lagi ke pasaran luar dan dipulihara.

Seperti juga warisan ketara, warisan tidak ketara juga memerlukan pemuliharaan yang khusus. Pemuliharaan warisan ialah satu proses memanjangkan jangka hayat khazanah warisan dengan memulihkan mengikut kaedah, prosedur atau garis panduan bagi mengelak dari ancaman kepupusan. Selain itu, pemuliharaan warisan dibuat bertujuan menjaga kepentingan budaya bagi mengekalkan kewujudannya melalui kaedah pemuliharaan yang betul agar kerosakannya dapat dikurangkan (Natasha Edreena Mohamad Nasruddin & Zuliskandar Ramli, 2020). Justeru, melihat kepada kepentingan memulihara warisan, maka kajian mengenai pemuliharaan warisan telah banyak dilakukan sarjana seluruh dunia merangkumi pelbagai bidang sejak sekian lama.

Kajian Kiyai dan Tugang (2021) misalnya, berpendapat istilah pemuliharaan yang biasa adalah merujuk kepada Piagam Majlis Monumen dan Tapak Antarabangsa (ICOMOS) pada tahun 1981. Piagam Burra yang diwujudkan bagi memulihara warisan kebudayaan telah mentakrifkan pemuliharaan merujuk kepada aktiviti pemuliharaan dan pemeliharaan ke atas sesebuah objek, amalan dan kawasan. Secara ringkasnya, pemuliharaan adalah konsep yang berkait rapat dengan proses pengurusan tempat, ruang atau benda sehingga makna kebudayaan yang terkandung di dalamnya dapat dirawat dan dipelihara dengan baik. Aktiviti pemuliharaan merangkumi semua aktiviti penyelenggaraan selaras dengan keadaan, situasi setempat dan usaha pembangunan untuk kegunaan selanjutnya. Kajian ini berfokuskan etnografi dan konservasi material budaya masyarakat Iban dalam Muzium Sarawak. Artifak kebudayaan masyarakat Iban kebanyakannya adalah artifak budaya organik yang merupakan paling dominan dalam budaya masyarakat Iban. Artifak yang dihasilkan sebagai manifestasi terhadap kehidupan, pandangan terhadap dunia dan amalan serta kepercayaan terhadap roh dan semangat. Kajian ini telah meneliti artifak bukan organik (inorganic) seperti tajau, pinggan seramik, gong dan perhiasaan yang diperbuat daripada perak yang merupakan antara kebudayaan material bagi masyarakat Iban. Dalam kajian ini, tiada pengkhususan spesifik yang dijalankan dalam konservasi artifak yang dilakukan oleh Muzium Sarawak untuk memelihara dan memulihara artifak kebudayaan etnik peribumi. Namun, pengumpulan artifak yang dijalankan adalah meliputi kesemua etnik yang terdapat di Sarawak. Selain itu, Muzium Sarawak juga mempunyai etika dan prosedur dalam konservasi artifak.

Manakala Udeaja et al. (2020) pula menulis tentang hubungkait di antara konservasi warisan bandar dan urbanisasi yang pantas dengan mengambil kajian kes di daerah Surat, India. Pada masa ini, warisan di bandar Surat di India menghadapi pelbagai tekanan termasuk pembandaran pesat, permintaan rumah yang meningkat, dan perubahan sosio-budaya dan iklim. Kadar pertumbuhan demografi yang pesat dalam kawasan bandar berlaku didapati telah menyebabkan warisan di kawasan tersebut semakin pupus dengan kadar yang membimbangkan. Walaupun ada beberapa usaha dari kerajaan tempatan, warisan budaya bandar yang ada terus diabaikan dan bangunan bersejarah terus digantikan dengan bangunan konkrit biasa dengan kadar yang membimbangkan. Perbincangan mengenai cabaran dan isu-isu di kawasan bandar Surat disokong oleh data kualitatif iaitu temubual separa struktur dengan pembuat dasar tempatan, perancang dan pakar warisan. Hasil kajian ini menemukan pelbagai cabaran seperti kekurangan dasar pengurusan pemuliharaan bandar yang memberi tumpuan kepada warisan, kekurangan kemahiran, latihan, dan sumber di kalangan pembuat keputusan, dan perselisihan dan persaingan yang berterusan antara keperluan pemuliharaan warisan dan kepentingan pembangun. Nilai dan kepentingan warisan Surat tidak sepenuhnya diiktiraf oleh penduduk dan pemegang kepentingan warisan. Justeru, kajian ini mempunyai potensi untuk menawarkan pandangan menarik kepada komuniti perancang dan pemulihara antarabangsa

yang lebih meluas. Kajian ini turut mengesyorkan integrasi pemuliharaan bandar warisan lestari ke dalam rangka kerja pembangunan bandar tempatan dan pembentukan pendekatan yang mengiktiraf kepelbagaian nilai warisan.

Bagi memastikan matlamat memulihara warisan dapat dilaksanakan dengan efisien, maka komuniti setempat dilihat perlu dilibatkan bersama sebagai menyokong usaha melindungi khazanah warisan dari kepupusan. Komuniti adalah kelompok berkepentingan utama yang perlu digerakkan dalam usaha mengurus kawasan persekitaran mereka sendiri (Teuku Afrizal & Abdul Rahman Embong, 2013). Satu lagi kajian turut membincangkan aspek pengurusan dan penglibatan komuniti setempat dalam memastikan kemapanan kawasan-kawasan berpotensi tinggi dalam pelancongan warisan. Solihah Mustafa et al. (2015), membincangkan aspek pengurusan bandar warisan George Town dan kepentingan melibatkan komuniti setempat. Kajian ini menyentuh tentang kepentingan pengurusan George Town merangkumi program dan projek pemuliharaan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Jabatan Warisan Negara (JWN) dan United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO). Projek pemuliharaan ini turut melibatkan beberapa bangunan bersejarah dan tapak warisan yang berada dalam zon pemuliharaannya. Selain itu, pengurusan bandar warisan ini juga melibatkan komuniti setempat. Hasil analisis kajian ini mendapati penglibatan komuniti setempat adalah masih pada tahap rendah walaupun majoriti daripada mereka berminat dengan proses pemuliharaan. Hal ini dibuktikan dengan hanya 20.6 peratus daripada 150 orang responden kajian ini terlibat dalam aktiviti pemuliharaan. Kajian ini turut mencadangkan komuniti setempat dilibatkan dalam semula tahap, jenis dan bentuk pemuliharaan ke arah kemapanan pelancongan warisan yang dilihat dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

Norliyana Adnan & Mohd Parid Mamat (2018) pula membincangkan tentang persepsi dan impak ekopelancongan di Lumut, Perak terhadap komuniti setempat. Tarikan ekopelancongan dari pelbagai ekosistem semulajadi di Lumut, Perak berupaya memberi manfaat kepada pengunjung dan masyarakat setempat. Kajian ini telah menilai impak ekopelancongan terhadap komuniti setempat dan persepsi komuniti terhadap ekopelancongan di Lumut. Kajian persepsi komuniti setempat dilakukan dengan mengedarkan soal selidik dijalankan di enam kampung Mukim Lumut. Borang soal selidik dibangunkan berdasarkan tinjauan awal dan merangkumi status isi rumah, impak ekopelancongan, dan persepsi terhadap ekopelancongan. Hasil kajian menunjukkan impak positif pembangunan ekopelancongan terhadap komuniti setempat di sekitar Lumut.

Manakala Nor Syafawani Nordin & Habibah Ahmad (2020) pula membincangkan penglibatan komuniti dalam pelancongan di Langkawi, Kedah yang didapati mempunyai pelbagai elemen aset pelancongan seperti tarikan, aksesibiliti, kemudahan, pakej pelancongan, aktiviti pelancongan, dan perkhidmatan sampingan. Kajian ini dijalankan di Kilim Karst Geopark dan Makam Mahsuri, Langkawi, Kedah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti aset pelancongan di Kilim dan Makam Mahsuri, menilai serta menganalisis tahap penglibatan komuniti dalam pelancongan di kedua-dua kawasan tersebut. Hasil analisis borang soal selidik yang telah diedarkan kepada 70 orang komuniti Kilim dan Makam Mahsuri mendapati terdapat pelbagai aset pelancongan di kedua-dua kawasan ini. Tahap penglibatan komuniti dalam pelancongan juga sederhana dengan impak positif terhadap ekonomi, sosial, dan persekitaran. Secara keseluruhannya, sektor pelancongan di Kilim dan Makam Mahsuri memberi kesan positif kepada komuniti setempat melalui peningkatan pendapatan, komunikasi, dan pembangunan kawasan.

Penglibatan komuniti dalam pemulihan warisan ketika pasca bencana juga penting. Kajian oleh Raihana Anas, Rosazman Hussin dan Teuku Afrizal (2018) telah meneliti penyertaan komuniti setempat dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana di Sabah.

Kajian yang menumpukan Kampung Mesilou Kundasang telah mengkaji penyertaan komuniti setempat dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana gempa bumi. Gempa bumi pada Jun 2015 telah memberi impak negatif kepada Kampung Mesilou yang merupakan kawasan utama pelancongan di Kundasang. Justeru, kajian ini bertujuan menilai tahap penyertaan komuniti dalam program pemulihan yang dilaksanakan oleh mereka sendiri. Hasil pemerhatian dan temu bual bersama tujuh orang responden di lapangan menunjukkan komuniti Kampung Mesilou terlibat secara langsung dan aktif dalam program pemulihan, yang membantu meningkatkan pendapatan sampingan mereka. Program ini juga menjadi idea komuniti untuk membangunkan semula produk pelancongan yang telah terjejas akibat gempa bumi. Program pemulihan ini juga memberikan perkhidmatan pelancongan yang berlanjutan kepada pelancong. Walau bagaimanapun, kajian ini mengesan kurangnya penyertaan pemegang taruh dalam program pemulihan di Kampung Mesilou. Oleh itu, kerjasama strategik dan bersepadu antara komuniti dan pemegang taruh perlu ditekankan untuk memastikan pemulihan kawasan dan membangunkan semula pelancongan berdasarkan komuniti secara berlanjutan.

Manakala Mastura Jaafar dan S. Mostafa Rasoolimanesh (2016) pula menulis tentang keterlibatan komuniti dalam pembangunan pelancongan dan pengurusan konservasi Tapak Warisan Dunia (TWD). Kajian ini berpendapat komuniti setempat memainkan peranan penting dalam menghidupkan semula dan mengekalkan TWD. Keterlibatan komuniti boleh merangkumi penglibatan dalam proses membuat keputusan pada peringkat tertinggi hingga penglibatan ekonomi dan promosi destinasi pada peringkat terendah. Bentuk keterlibatan komuniti yang diambil bergantung pada keadaan destinasi. Kajian ini cuba mengkaji semula kajian keterlibatan komuniti semasa ini berkaitan dengan destinasi TWD luar bandar. Hasil kajian menunjukkan keutamaan penduduk TWD luar bandar dalam penglibatan ekonomi dan promosi destinasi berbanding penglibatan dalam proses membuat keputusan. Hasil kajian ini mengembangkan lagi keterlibatan komuniti dan menjelaskannya dalam konteks destinasi TWD luar bandar. Selain itu, hasil kajian ini mempunyai implikasi praktikal bagi pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan konservasi dan pembangunan pelancongan lestari TWD luar bandar - bahawa objektif yang kelihatan bersaing ini dapat dicapai dengan melibatkan penduduk tempatan dalam aktiviti ekonomi dan meningkatkan faedah mereka dari pelancongan.

Warisan dilihat mempunyai nilainya yang tersendiri dan praktikal untuk menjadikan artifak warisan sebagai koleksi, anugerah dan dipulihara sebagai satu objek budaya bangsa yang bernilai tinggi. Dari sudut lain, elemen-elemen warisan berpotensi menyumbang ke arah penjanaan ekonomi bagi sesebuah tempat. Dalam usaha mengoptimalkan potensi pelancongan warisan, penglibatan komuniti yang terlibat juga perlu dititikberatkan. Hal ini seperti yang diutarakan oleh Hamzah Jusoh et al. (2014) dalam artikel bertajuk Transformasi Medan Pasar sebagai Ikonik Pelancongan Warisan: Dimensi Keperluan Pengunjung dan Tuntutan Peniaga. Kajian ini membincangkan peranan pengunjung, peniaga dan pihak berwajib dalam menjadikan Medan Pasar Kuala Lumpur sebagai tarikan pelancongan warisan di Malaysia. Hasil kajian daripada 150 orang responden terdiri daripada pengunjung dan peniaga mendapati kemudahan yang sewajarnya diperlukan bagi keselesaan dan melengkapi keperluan dalam industri pelancongan. Selain itu, hasil temu bual bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pula telah meletakkan Medan Pasar Kuala Lumpur dalam perancangan *Greater Kuala Lumpur, EPP 7: Iconic Places*. DBKL telah banyak melakukan kerja-kerja transformasi Medan Pasar Kuala Lumpur sebagai ikon pelancongan warisan di Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khususnya.

Berdasarkan tinjauan kajian lepas, dapat dirumuskan penglibatan komuniti setempat dalam warisan berupaya memberikan pelbagai manfaat dalam masa jangka panjang. Selain

dapat mempertahankan budaya dan warisan setempat, mereka juga memperoleh manfaat hasil rangsangan pertumbuhan ekonomi dan menjaga kelestarian warisan. Di samping itu, penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan warisan dapat memenuhi konsep *bottom-up approach*. Hal ini bermaksud, komuniti setempat turut sama membantu pihak kerajaan dalam melestarikan warisan dengan memberikan pandangan dan maklum balas mengenai impak sosial, ekonomi, dan persekitaran berkaitan pemuliharaan warisan. Ini membolehkan kerajaan mengambil kira kepentingan komuniti setempat dan merancang program yang lebih bersepadu dan mampan.

### **Kaedah dan skop kajian**

Kaedah kajian yang digunakan untuk mengumpul data kajian tinjauan ini ialah kaedah kualitatif menerusi pemerhatian dan kajian kepustakaan melibatkan sumber-sumber sekunder berbentuk buku, artikel, laman web rasmi dan kajian sarjana berbentuk penyelidikan bahan tidak terbit. Data kualitatif dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan yang dipecahkan kepada beberapa tema dengan menggunakan pendekatan tematik secara manual. Kajian lepas yang dirujuk merangkumi artikel berbentuk digital dari pangkalan data *Web of Science*, *Google Scholar*, *Scopus* dan *Science Direct*. Selain itu, laman web rasmi institusi kerajaan seperti Jabatan Warisan Negara, dan Majlis Daerah Lenggong (MDL) juga dirujuk bagi menambah maklumat. Kesemua sumber sekunder ini dipilih berdasarkan kata kunci yang dibentuk seperti komuniti setempat, pelestarian warisan, daerah Lenggong dan warisan tidak ketara. Teknik analisis kandungan dokumen digunakan dengan membaca keseluruhan teks secara berulang bagi mentafsir semula, membuat interpretasi dan mengeluarkan idea berkaitan perbincangan utama, konsep atau perbincangan susastera bagi mencapai tafsiran yang dikehendaki.

Pemerhatian turut serta juga dilakukan di kawasan kajian iaitu Kampung Lenggong, Kampung Chepor dan Kampung Senderlai yang terletak di Lenggong. Rasional pemilihan kampung-kampung ini adalah kerana kawasan tinjauan ini didapati masih mengamalkan warisan tidak ketara seperti mengusahakan atap rumbia, cendol sagu rumbia, kebebe dan masih menuturkan dialek Melayu Patani. Perkara-perkara di lapangan seperti aktiviti komuniti setempat, pemuliharaan dan pelestarian warisan dicatatkan menerusi pemerhatian. Kampung yang terlibat dalam tinjauan ini ialah Kampung Chepor, Kampung Lenggong dan Kampung Senderlai. Tinjauan turut serta dilakukan selama tiga hari di kampung-kampung terbabit. Selain itu, refleksi pengkaji dicatatkan dalam nota lapangan dan dibantu dengan alatan kajian seperti kamera. Hasil tinjauan dianalisis dengan menggunakan tema-tema yang telah dibentuk seperti penglibatan komuniti setempat, pemuliharaan warisan dan impaknya menerusi Kerangka *Ladder of participation* yang diasaskan oleh Arnstein (1969).

### **Warisan di Lembah Lenggong dan pemuliharaannya**

Kepelbagaian suku kaum Melayu telah menjadikan kebudayaan Melayu di Hulu Perak unik dan bersifat rencam. Bagi meneroka keunikan warisan-warisan masyarakat Melayu di Hulu Perak, penulisan ini menumpukan warisan-warisan tidak ketara yang masih dikekalkan masyarakat Melayu Patani di Lenggong iaitu makanan-makanan warisan, kraftangan dan dialek Melayu yang mempunyai pengaruh dialek Melayu Patani.

#### *a) Kebebe*



Kebiasaan masyarakat Melayu Lembah Lenggong dalam perubatan tradisional dapat dilihat menerusi penyediaan Kebebe yang menggabungkan pelbagai berkhasiat seperti vitamin C, vitamin B, kalsium, zat besi, fosforus dan sukrosa. Selain itu, Kebebe juga berupaya memberi kelegaan bagi mereka yang lesu, mual dan berpotensi menjadi pembuka selera bagi mereka yang mengidap demam ringan. Kebebe juga adalah makanan tradisi masyarakat Melayu Patani yang lazimnya disaji dalam majlis sosial masyarakat Melayu sebagai kudapan selain boleh dijadikan sajian pembuka selera. Kebebe juga boleh disamakan dengan rojak buah kerana penyediaannya banyak menggunakan buah-buahan muda atau putik misalnya Cermai, Belimbing Buluh, putik Nangka, buah Kelempung, buah Cedung dan Jantung Pisang. Kebebe juga merupakan kudapan yang unik kerana menggabungkan pelbagai rasa seperti masam, pedas, pahit, kelat, manis dan masin yang seimbang (Kajian Lapangan 2019).

Tinjauan di lapangan, menganggarkan antara 13-14 jenis bahan diperlukan bagi menyediakan Kebebe termasuklah bahan lain seperti buah Nenas, Jambu Batu, cili padi, belacan dan perasa seperti garam dan gula. Namun bagi menyediakan Kebebe, buah-buahan masam seperti Cermai, Belimbing Buluh, putik Nangka, buah Kelempung dan buah Cedung (Gambar 1) ditumbuk bersama-sama cili padi dan belacan dalam lesung kayu (Gambar 2). Manakala nenas, jantung pisang dan jambu batu diracik atau dipotong kecil dan digaul bersama bahan yang telah ditumbuk serta diperasakan dengan garam dan gula (Kajian Lapangan 2019).

Hasil pemerhatian juga mendapati, Kebebe perlu melibatkan ramai tenaga kerja kerana proses pembuatannya yang rumit, bermula dari mencari dan menyediakan bahan-bahannya. Lazimnya penduduk kampung menyediakan juadah ini ketika majlis-majlis tertentu seperti kenduri kendara, pelancong yang datang menginap di inap desa, festival warisan dan lain-lain. Tinjauan di lapangan juga mendapati, golongan remaja turut didedahkan dan terlibat sama dalam pembuatan Kebebe. Hal ini bermaksud, komuniti setempat komited dalam mengekalkan makanan warisan ini dengan melibatkan pelbagai peringkat usia.



GAMBAR 1. Antara buah-buahan yang digunakan untuk menghasilkan Kebebe.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 2. Melumatkan beberapa buah-buahan, cili padi dan belacan menggunakan lesung kayu.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.

b) *Cendol Sagu Rumbia*

Masyarakat Melayu sememangnya terkenal dengan daya kreativiti yang tinggi dalam mengolah sumber alam khususnya bersumberkan pokok. Di Lembah Lenggong, masyarakat Melayunya juga kreatif mengolah sumber pohon rumbia untuk dijadikan pelbagai produk bagi kegunaan seharian seperti makanan, atap, gam, tiang, titi dan lain-lain (Kajian Lapangan 2019). Produk berasaskan rumbia yang terkenal di Lembah Lenggong ialah Cendol Sagu Rumbia dan kuih bangkit. Berdasarkan tinjauan di Kampung Chepor, Lenggong, masih terdapat penduduk tempatan yang mengusahakan makanan berasaskan pokok rumbia secara kecil-kecilan. Isi dalam (kabung) batang kayu pokok rumbia perlu diparut dan direndam selama dua hari. Mendapan di bawah air rendaman akan dikeringkan selama beberapa hari bergantung kepada cuaca untuk dijadikan tepung sagu. Tepung sagu ini dicampur bersama tepung beras (Gambar 3) dan kemudiannya dimasak sehingga likat. Setelah itu, bancuhan ini akan dilenyek dalam acuan cendol yang diletakkan dalam bekas berisi air (Gambar 4). Kemudiannya cendol ini ditos untuk dijadikan cendol sagu rumbia (Gambar 5). Cendol yang telah siap dimasak lazimnya dihidangkan bersama santan, gula melaka dan air batu (Gambar 6). Tepung sagu juga diolah untuk membuat kuih bangkit seperti yang ditunjukkan dalam gambar 7 (Kajian Lapangan 2019).



GAMBAR 3. Proses menyiapkan bancuhan tepung Sagu Rumbia bagi membuat cendol Sagu Rumbia  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 4. Bancuhan yang telah siap dilenyek pada acuan cendol untuk direbus  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 5. Cendol Sagu Rumbia yang telah siap dimasak  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 6. Cendol Sagu Rumbia- campuran cendol yang diperbuat dari tepung sagu rumbia, santan, gula melaka dan air batu.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 7. Kuih Bangkit Sagu Rumbia  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.

c) *Atap Rumbia*

Selain itu, masyarakat Melayu juga bijak memanfaatkan bahagian lain pokok rumbia seperti daun yang dianyam untuk menghasilkan atap rumah manakala batang pokok pula digunakan sama ada sebagai dinding, tiang atau titi. Hasil tinjauan di kawasan kajian mendapati penduduk kampung juga menjadikan kanji dari pokok rumbia sebagai gam (Kajian Lapangan 2019). Bagi menghasilkan atap rumbia, bahan-bahan lain seperti kulit kayu bemban, rotan dan buluh juga diperlukan. Terlebih dahulu, daun pokok rumbia perlu direndam selama dua minggu bagi memastikan ketahanannya yang dikatanya mampu bertahan sehingga 20 tahun (Kajian

Lapangan 2019). Daun ini kemudiannya dijahit pada buluh yang diraut untuk dijadikan tulang atap yang dikenali sebagai Mengkawan atau Bengkawan (Gambar 8 dan Gambar 9). Manakala, kulit kayu bemban atau rotan pula diperlukan untuk menjahit atau menyemat helaian daun rumbia seperti yang ditunjukkan dalam gambar 10.



GAMBAR 8. Proses menyemat/ menjahit daun rumbia menggunakan rotan.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 9. Daun rumbia yang telah direndam selama 2 minggu dijahit menggunakan rotan.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.



GAMBAR 10. Demonstrasi menjahit/ menyemat daun rumbia bagi menghasilkan atap rumbia.  
Sumber: Kajian Lapangan, 2019.

Hasil tinjauan mendapati, perusahaan atap rumbia masih lagi dilakukan oleh segelintir penduduk kampung secara kecil-kecilan untuk kegunaan sendiri dan jualan berskala kecil. Ada juga beberapa orang penduduk kampung yang mengambil tempahan menghasilkan atap rumbia secara sambilan. Selain itu, penduduk kampung juga masih lagi komited dalam melindungi dan menanam pokok rumbia bagi memastikan mereka mudah mendapatkan bekalan atau bahan mentah. Namun, hasil tinjauan mendapati, tidak ramai golongan muda yang tahu dan berkemahiran dalam menghasilkan atap rumbia di kampung ini. Walau bagaimanapun, golongan muda di kampung ini masih didedahkan dengan pembuatan atap rumbia yang memperlihatkan mereka mempunyai pengetahuan mengenai bahan dan teknik pembuatannya. Faktor modenisasi dan penghijrahan dilihat antara penyumbang yang menyebabkan golongan muda di kampung ini kurang berminat dalam mengusahakan atap rumbia.

d) *Dialek Melayu Patani*

Satu lagi keunikan warisan tidak ketara yang terdapat di Lembah Lenggong ialah dialeknya yang mempunyai pengaruh dialek Patani. Hal ini sejajar dengan kedudukan geografinya yang bersempadan dengan Thailand (Nor Hashimah Jalaluddin 2015). Hasil kajian lapangan menemukan beberapa contoh dialek Melayu Patani yang masih dituturkan Melayu Lenggong seperti ak-ak (sabar, nanti), handa (berlagak), air cha (air limbah), belotai (comot), Bale Te (biarlah), Damuh (kotor), Betumit (berkelahi) dan Huja (hujan). Selain itu, masyarakat Melayu di Lembah Lenggong juga dikesan telah mewujudkan beberapa perkataan baharu yang hasil campuran dialek tempatan seperti aya (ayam), deme (mereka), maka (makan), gagha (garang), tana (tanam), masing (masin) dan sampe (sampai) (Kajian Lapangan 2019).

## PERBINCANGAN DAN HASIL KAJIAN

Yahaya Ibrahim (2007) mentakrifkan komuniti sebagai sekumpulan manusia yang menetap di suatu kawasan dan mempunyai kaitan yang rapat dalam semua aspek kehidupan. Takrifan ini juga bermaksud komuniti mempunyai dan mengamalkan autonomi, mempunyai aspirasi dan mempunyai dan terlibat sama dalam aktiviti harian, bersatu padu dengan semangat kekitaan

serta. Kajian tentang komuniti dan penglibatan diberikan perhatian mencakupi pelbagai bidang dari bidang keilmuan psikologi, sosiologi sehinggalah ke bidang kesihatan. Manakala menurut Gottler & Ripp (2017) penglibatan dalam konteks komuniti adalah melibatkan, menyertakan dan berkerjasama. Pada asasnya penyertaan ini adalah untuk mencapai objektif atau matlamat dalam komuniti secara bersama. Gottler & Ripp (2017) juga menyatakan komuniti dapat dikategorikan kepada tiga kumpulan iaitu komuniti geografi, komuniti budaya dan komuniti sosial. Komuniti budaya bermaksud kumpulan masyarakat yang mempunyai persamaan dari segi budaya, agama, etnik dan karakter.

Antara kajian dalam bidang antropologi dan sosiologi adalah mengenalpasti dan penelitian terhadap ciri ciri penglibatan ahli komuniti dalam program inap desa di Kedah. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiga aspek utama yang menentukan tahap penglibatan komuniti iaitu motivasi, tahap kawalan dan keupayaan. Motivasi ini pula didorong elemen sokongan seperti keperluan, kesedaran, personaliti, ideologi, kepercayaan dan desakan kerajaan (Kayat & Mohd Nor, 2006). Manakala dalam bidang kesihatan pula satu kajian dibuat dalam mengenalpasti konsep penglibatan dalam konsep kesihatan awam. Kajian tersebut telah mengenalpasti beberapa konsep utama dalam menentukan maksud komuniti. Hasil kajian menunjukkan komuniti merujuk kepada sekumpulan manusia yang mempunyai pelbagai karakter yang terikat dengan hubungan sosial, berkongsi perspektif yang sama, dan melibatkan diri dalam aktiviti secara bersama di dalam satu ruang lingkup dan geografi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa sebarang program penglibatan komuniti tidak akan berhasil kerana pengalaman sesebuah komuniti berbeza mengikut lokasi. Oleh itu, ianya mestilah melibatkan kerjasama daripada pelbagai tahap dan peringkat dengan menyantuni perbezaan dan persamaan sesama komuniti yang lain (MacQueen et al., 2001). Tambahan pula, komuniti pula mempunyai empat elemen penting iaitu keahlian, pengaruh, penguatkuasaan dan perkongsian. Keahlian merujuk kepada perasaan sepunya yang dikongsi oleh ahli dalam komuniti tersebut manakala pengaruh merujuk kepada konsep mementingkan keahlian dalam komuniti yang berbeza daripada individu lain di luar komuniti mereka. Selain itu, penguatkuasaan pula merujuk kepada penyepaduan dalam memenuhi kehendak dan keperluan ahli dalam sesebuah komuniti. Akhir sekali adalah perkongsian emosi, kebertanggungjawaban dan kepercayaan yang dikongsi bersama oleh ahli dalam sesebuah komuniti berkenaan sejarah, lokasi, masa bersama dan pengalaman yang sama. Secara keseluruhannya perasaan komuniti itu merujuk kepada perasaan sepunya yang dikongsi oleh ahli dalam sesebuah komuniti, perasaan mementingkan ahli dalam komuniti, perkongsian kepercayaan dan komitmen yang dikongsi (McMillan & Chavis, 1986). Berdasarkan kajian-kajian tentang komuniti ini jelas menunjukkan komuniti berupaya menyumbang ke arah pengurusan seperti pengurusan ekonomi dan sosial setempat yang efisien.


Pengurusan warisan dianggap sebagai satu cabang ilmu yang umum. Hal ini kerana pengurusan warisan boleh merujuk kepada pengurusan pelbagai aspek warisan yang ketara dan tidak ketara. Jarang sekali komuniti diberikan perhatian penting dalam agenda pengurusan warisan. Hal ini kerana objek dan tapak warisan banyak ditekankan dan diberikan keutamaan berbanding komuniti itu sendiri. Walhal dalam mengurus tapak dan objek warisan, penjaga dan pemilik warisan itu sendiri seolah oleh diketepikan dan dipisahkan terus daripada agenda pengurusan warisan. Hal ini demikian kerana naratif pemuliharaan warisan dan penjagaan warisan selalu berpihak kepada pemeliharaan dan pemuliharaan objek, artifak dan sebagainya. Sekiranya naratif pengurusan warisan ini diterbalikkan, penekanan kepada faedah kepada komuniti setempat dapat diketengahkan dengan memfokuskan kepada aktiviti berteraskan warisan. Oleh itu, kepentingan-kepentingan lain akan menyusul kemudian seperti ekonomi, penggunaan tapak sebagai aktiviti rekreasi, amalan tradisional termasuk keagamaan, tempat berkumpul dan bergaul dan macam macam lagi (Ripp & Rodwell, 2017). Penglibatan komuniti

setempat dalam pemuliharaan dan pemeliharaan produk warisan perlu dilaksanakan secara komprehensif melalui pendekatan atas-bawah (*up-bottom approach*) dan bawah-atas (*bottom-up approach*) bagi menjamin kelangsungannya dalam jangka masa panjang.

Justeru, komuniti dalam konsep warisan sangat mementingkan pemahaman dari konteks kebertanggungjawaban komuniti setempat dan penglibatan mereka dalam hal yang berkaitan dengan budaya dan warisan mereka. Dalam konteks ini, komuniti juga dianggap sebagai pihak yang berkepentingan kategori pengguna pertama kerana komuniti adalah penjaga warisan berbanding pengguna warisan kedua (pelancongan, sebarang servis dan perkhidmatan) dan pengguna ketiga (sektor kerajaan dan bukan kerajaan). Dalam memahami bagaimana sistem ini berfungsi, pengurusan warisan haruslah mengangakat "amalan komuniti" dalam setiap pengurusan warisan.

### *Penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan warisan*

Bagi menganalisis penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan, kajian ini menggunakan kajian ini menggunakan kerangka *Ladder of participation* yang diasaskan oleh Arnstein (1969) yang telah memperkenalkan lapan (8) peringkat penyertaan dari pasif (*non-participatory*) ke aktif (*degree of citizen*). Penyertaan komuniti setempat akan berubah dari pasif ke aktif apabila mereka mempunyai tahap penyertaan yang berbeza sehingga mencapai tahap tertinggi iaitu mengawal masyarakatnya (*citizen control*) untuk mencapai matlamat yang disepakati seperti rajah berikut:



RAJAH 1. Kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) oleh Arnstein (1969).  
Sumber: *Ladder of participation* oleh Arnstein (1969)

Tinjauan ke atas penglibatan komuniti dalam pemuliharaan warisan di Lenggong mendapati, mereka proaktif dalam mempertahankan warisan di kawasan mereka menerusi kerangka Tangga Penyertaan Masyarakat (Arnstein, 1969). Tahap penglibatan aktif komuniti setempat telah membuktikan mereka mempunyai kesedaran dan komited dalam melestarikan warisan. Penglibatan komuniti setempat dalam pemuliharaan warisan di Lenggong dianalisis dengan membahagikan dapatan kepada tiga tema utama iaitu *non-participatory*, *tokenisme* dan *degree of citizen power*.

#### *i. Penglibatan tahap non-participatory*

Menurut Arnstein (1969), tahap ini adalah penglibatan yang paling bawah iaitu tahap tidak aktif. Dalam kajian ini, hasil tinjauan menemukan, penduduk kampung-kampung yang terbabit secara sukarela melibatkan diri dalam melindungi warisan yang ada dengan mengamalkan dan mengusahakannya. Penyertaan sukarela ini setara dengan tangga pertama dan kedua, iaitu



manipulasi (manipulation) dan terapi (therapy) dalam kerangka Tangga Penyertaan Masyarakat (Ladder of Participation) yang dikemukakan oleh Arnstein (1969). Hal ini bermaksud, penglibatan dan kesukarelaan ini menggambarkan mereka mempunyai perasaan sepunya dan bangga dengan warisannya. Selain itu, mereka terlibat dalam program-program yang dianjurkan kerajaan persekutuan (JWN), kerajaan negeri, Majlis Daerah Lenggong (MDL) dan pengusaha inap desa. Dengan adanya program-program seperti Karnival Lenggong, Pesta Makanan Tradisi Lenggong, *Lenggong Outdoor Festival*, TAPAU Fest (Festival Indie Asia Tenggara) dan inap desa ini dilihat berupaya memberikan terapi yang baik kepada masyarakat Lenggong itu sendiri mahupun dari luar Lenggong. Hal ini kerana mereka dapat menikmati dan mencuba warisan yang ditawarkan seperti demonstrasi penghasilan makanan warisan dan atap rumbia serta jualan makanan warisan seperti Kebebe, ikan pekasam, dan Cendol Sagu Rumbia.

### ii. Penglibatan tahap tokenisme

Bagi mereka yang terlibat secara langsung pada peringkat ini, tahap penyertaan mereka adalah pada tahap *tokenisme* kerana mereka berupaya menyalurkan maklumat (*informing*) dan terlibat dalam khidmat rundingan (*consultation*) serta *placation*. Justeru, kerjasama ini dilihat banyak membantu komuniti setempat dalam memperkasakan kesedaran untuk memanjangkan jangka hayat warisan di kawasan mereka. Dalam erti kata lain, kerjasama dengan agensi bertanggungjawab seperti Jabatan Warisan Negara, kerajaan negeri, kerajaan persekutuan dan lain-lain didapati membantu memberi kesedaran kepada komuniti setempat untuk merekod atau mendokumentasikan warisan. Hal ini dapat dilihat dengan wujudnya pembangunan sosial dan ekonomi yang membuktikan kerajaan dan masyarakat setempat komited dalam melestarikan warisan. Justeru, perkara ini telah menyebabkan wujudnya ramai pengusaha inap desa di sekitar Lenggong bagi memenuhi keperluan khususnya melibatkan sektor arkeopelancongan dan ekopelancongan. Selain itu, program-program membabitkan warisan juga giat dilakukan bagi memartabatkan warisan Lenggong misalnya Karnival Lenggong, Pesta Makanan Tradisi Lenggong, *Lenggong Outdoor Festival*, TAPAU Fest (Festival Indie Asia Tenggara). Sinergi ini dilihat telah mengukuhkan pendekatan pemuliharaan warisan secara komprehensif melalui pendekatan atas-bawah (*top-bottom approach*) dan bawah-atas (*bottom-up approach*).

### iii. Penglibatan tahap degree of citizen power

Komuniti yang terlibat pada peringkat ini mempunyai penyertaan yang aktif dan berada pada tangga tertinggi dalam kerangka tangga penyertaan masyarakat (*Ladder of participation*) yang dikemukakan oleh Arnstein (1969). Hasil tinjauan di lapangan mendapati, komuniti setempat mempunyai penyertaan aktif dalam peringkat kerjasama (*partnership*), kuasa yang diagihkan (*delegated power*) dan pengendalian masyarakat (*citizen control*). Hasil tinjauan mendapati, penyertaan komuniti setempat pada tahap tertinggi ini adalah disebabkan oleh mereka mempunyai institusi pentadbiran kampung yang sistematik. Mereka mempunyai barisan pemimpin kampung dan pemimpin komuniti yang komited dalam mempertahankan warisan mereka. Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan seperti MDL juga menunjukkan komitmen dan penyertaan aktif komuniti dalam melestarikan warisan mereka. Hal ini dapat dilihat apabila berlakunya agihan kuasa dari pemimpin komuniti kepada penduduk kampung dalam menjayakan program yang melibatkan kampung dengan MDL. Mereka juga mempunyai organisasi dan jawatankuasa yang diwujudkan bagi memastikan proses sesuatu kerja berjalan

lancar. Dari satu sudut lain pula, hasil tinjauan juga mendapati kerjasama dan hubungan sesama penduduk adalah baik.

Selain itu, penglibatan dalam pelancongan alam semula jadi (ecotourism), program inap desa seperti Laman Bonda dan perusahaan hospitaliti lain juga telah menggalakkan mereka terlibat aktif dalam memperkenalkan dan melestarikan warisan bagi tujuan melindunginya daripada ancaman kepupusan. Antara syarikat yang terlibat dalam perusahaan inap desa ialah Humaira Honey Sdn Bhd, Homestay Lenggong Mohammad, Musafeer Homestay Lenggong, Nurul Homestay Lenggong, D Impiana Riverview Chalet dan D'raban Homestay. Selain itu, terdapat juga beberapa pengusaha makanan berkaitan warisan di sekitar Lenggong seperti Kiah Perkasam Enterprise, Dar Annur Enterprise dan Johar Food Enterprise. Perbincangan ini dapat diringkaskan seperti jadual berikut:

JADUAL 1. Penglibatan komuniti setempat di kawasan kajian berdasarkan tahap penyertaan masyarakat Arnstein (1969).

Item	Tahap penyertaan	Warisan	Agensi/ institusi terbabit
<b><u>Penglibatan komuniti:</u></b>			
<b>i. Pemuliharaan</b>			
<b>ii. Kesedaran dan pemahaman</b>			
<b>iii. Rekod dan dokumentasi</b>			
<b>iv. Pengurusan dan pemantauan</b>			
<b>v. Demonstrasi</b>			
<b><u>Program pemuliharaan:</u></b>			
<b>Festival dan program anjuran pihak-pihak berkuasan dan insituti pentadbiran kampung</b>			
<b>Impak:</b>			
<b>i. Pelestarian warisan</b>			
<b>ii. Pelancongan warisan</b>			
<b>iii. Perniagaan kecil-kecilan/ Industri Kecil dan Sederhana</b>			
<b>iv. Pembangunan infrastruktur</b>			
	<i>i. citizen control</i>	Kebebe	i. JWN
	<i>ii. delegated power</i>	Cendol Sagu Rumbia	ii. MDL
	<i>iii. partnership</i>	Atap Rumbia	iii. Kerajaan negeri
	<i>iv. placation</i>	Dialek Melayu Patani	iv. Institusi pentadbiran kampung
	<i>v. consultation</i>		v. Pengusaha tempat peranginan dan inap desa
	<i>vi. informing</i>		
	<i>vii. therapy</i>		
	<i>viii. manipulation</i>		

Sumber: Kajian Lapangan, 2019.

Oleh itu, hasil analisis berpandukan Kerangka Tangga Penyertaan Masyarakat yang dikemukakan oleh Arnstein (1969) menemukan, penglibatan komuniti setempat di kawasan kajian, Lenggong adalah pada tahap aktif. Kesedaran untuk melindungi aset warisan yang wujud dalam kalangan komuniti setempat terbentuk setelah mereka diberi pemahaman yang jelas oleh pihak berkuasa (misalnya JWN dan MDL) mengenainya. Komitmen aktif mereka dalam melindungi warisan telah membolehkan mereka dirujuk oleh pihak bertanggungjawab dalam penganjuran dokumentasi dan program-program berkaitan warisan di Lenggong.

Justeru, pada peringkat ini komuniti setempat berupaya untuk terlibat sama dalam rundingan dan khidmat nasihat. Pada akhirnya, tahap penyertaan mereka berubah kepada penyertaan aktif sehingga mempunyai kekuatan untuk mempengaruhi ahli komuniti untuk bersama-sama terlibat dalam pemuliharaan warisan mereka. Penglibatan aktif mereka ini adalah satu perancangan jangka panjang yang baik dan membolehkan mereka menikmati manfaat daripada projek pemuliharaan tersebut.

## KESIMPULAN

Lembah Lenggong adalah sebuah tapak arkeologi yang telah diberi pengiktirafan oleh UNESCO dan mempunyai sumbangan yang signifikan terhadap warisan negara. Bagi memastikan warisan ini dapat dipertahankan, komuniti setempat perlu memainkan peranan proaktif dalam menyokong usaha pihak-pihak lain. Hasil analisis tinjauan di lapangan menemukan pelbagai warisan tidak ketara yang menjadi identiti kawasan tersebut. Manakala analisis menggunakan Kerangka Tangga Penyertaan (*Ladder of participation*) yang dikemukakan oleh Arnstein (1969) menunjukkan komuniti setempat terlibat sama dalam memelihara warisan tersebut. Penyertaan mereka dalam pelestarian warisan Lenggong adalah berada pada darjah tertinggi (degree of citizen power) yang akhirnya berpotensi memberikan kesan positif terhadap perkembangan ekonomi dan sosial setempat. Justeru, penyertaan mereka dalam kesemua lapan tangga penyertaan dalam *Ladder of participation* yang dikemukakan oleh Arnstein (1969) membuktikan mereka sangat komited dalam melestarikan keunikan warisan yang terdapat di Lembah Lenggong yang menggambarkan percampuran budaya dan pengetahuan masyarakat Melayu tempatan dan Melayu Patani. Dari satu sudut, sinergi antara komuniti setempat dan kerajaan dalam pelestarian warisan dilihat telah membuktikan konsep *top-bottom approach* dan *bottom-up approach* sangat penting dalam mempertahankan warisan selain perlindungan dan penguatkuasaan dari segi perundangan.

## RUJUKAN

- Arnstein, S. (1969). A ladder of citizen participation. *Journal of the American Institute of Planners*, 35(4), 216–224.
- Convention for the Safeguarding of the Intangible Cultural. 2003. <https://ich.unesco.org/doc/src/15164-EN.pdf>
- Fatimah Hassan, Zuraini Zakaria, Norsuhana Abdul Hamid, Main Rindam & Fatan Hamamah Yahya. 2013. Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berasaskan pelancongan sumber setempat. *Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2): 35 - 49.
- Gottler, M & Ripp, Matthias. 2017. *Community Involvement in Heritage Management Guidebook*. Regensburg: Organisation of World Heritage Cities
- Hamzah Jusoh, Habibah Ahmad, Amriah Buang, Nor Ghani Mohd Nor, Lelawati Ismail, Er Ah Choy, Muhammad Saiful Nizam Aduluan & Siti Nor Safiza Bt Safiei. 2014. Transformasi Medan Pasar sebagai ikonik pelancongan warisan: Dimensi keperluan pengunjung dan tuntutan peniaga. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(8), 138-153.
- <https://ptg.perak.gov.my/portal/ms/web/gerik/geografi-daerah> (28 Mei 2022).
- Ibrahim Syukri. 2002. Sejarah Kerajaan Melayu Patani. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Warisan Negara (JWN). 2005. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)* Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.

- Jabatan Warisan Negara. 2014. Alam dan budaya: warisan masakan Lenggong. Kuala Lumpur: Jabatan Warisan Negara.
- Kamus Dewan Bahasa. 2017. *Komuniti*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=komuniti>
- Kayat, K., & Mohd Nor, N. A. 2006. Penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti: satu kajian ke atas program homestay di Kedah (Community Members Involvement in Community Development Programme: Homestay Programme in Kedah). *Akademika*, 67(1), 77–102.  
[https://www.google.com/search?q=About+http://journalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%255B02%255D.pdf&tbm=ilp&ilps=AB\\_Lh3pr\\_pRKL0fLeMUuN2yW0Ghimii6hg&biw=1920&bih=890&dpr=1](https://www.google.com/search?q=About+http://journalarticle.ukm.my/4283/1/akademika65%255B02%255D.pdf&tbm=ilp&ilps=AB_Lh3pr_pRKL0fLeMUuN2yW0Ghimii6hg&biw=1920&bih=890&dpr=1)
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2021). Konservasi Aritfak Budaya Iban Dalam Muzium Sarawak: Satu Penelitian Awal. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 34(1).
- Lenzerini, F. (2011). Intangible cultural heritage: The living culture of peoples. *European Journal of International Law*, 22(1), 101-120.
- MacQueen, K. M., McLellan, E., Metzger, D. S., Kegeles, S., Strauss, R. P., Scotti, R., Blanchard, L., & Trotter, R. T. (2001). What is community? An evidence-based definition for participatory public health. *American Journal of Public Health*, 91(12), 1929–1938. <https://doi.org/10.2105/AJPH.91.12.1929>
- Mastura Jaafar & S. Mostafa Rasoolimanesh. 2016. Community Participation toward Tourism Development and Conservation Program in Rural World Heritage Sites," Chapters, in: Leszek Butowski (ed.), *Tourism - From Empirical Research Towards Practical Application*.
- McMillan, D. W., & Chavis, D. M. (1986). Sense of community: A definition and theory. *Journal of Community Psychology*, 14(1), 6–23. [https://doi.org/10.1002/1520-6629\(198601\)14:1<6::AID-JCOP2290140103>3.0.CO;2-I](https://doi.org/10.1002/1520-6629(198601)14:1<6::AID-JCOP2290140103>3.0.CO;2-I)
- Mohd Syahir Mohd Noo. 2018. Keunikan makanan tradisional masyarakat keturunan Jawa Johor ke arah kelestarian budaya pelancongan.
- Muhamad Fadzllah Zaini. (2014). Masyarakat Pribumi: Makanan Tradisional Masyarakat Melayu Sarawak. *Akademi Pengajian Bahasa, Shah Alam: Universiti Teknologi Mara*.
- Natasha Nasruddin, N. E. M., & Zuliskandar Ramli, (2020). Keberkesanan Media Massa dan Media Sosial Kepada Masyarakat Dalam Menyelesaikan Isu Penjagaan Warisan Negara. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, 4(1).
- Norliyana Adnan & Mohd Parid Mamat. (2018). Impak dan persepsi ekopelancongan terhadap komuniti setempat di Lumut, Perak. Seminar Kebangsaan Transformasi Sosio-Ekonomi Wilayah Utara ke-3. hal. 50-56.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran dialek Patani di Perak: analisis geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2): 310-330.
- Nor Syafawani Nordin & Habibah Ahmad. (2020). Pemetaan Aset dan Penglibatan Komuniti dalam Pelancongan di Kilim dan Makam Mahsuri, Langkawi. *Jurnal Wacana Sarjana* 4.2: 1-13.
- Raihan Anas, Rosazman Hussin & Teuku Afrizal. (2018). Penyertaan komuniti dalam program pemulihan pelancongan pasca bencana di Kampung Mesilou Kundasang, Sabah. *Geografia* 14(3): 116-127.
- Ripp, M., & Rodwell, D. (2017). Governance in UNESCO world heritage sites: Reframing the role of management plans as a tool to improve community engagement. *Aspects of Management Planning for Cultural World Heritage Sites: Principles, Approaches and Practices*, 241–253. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-69856-4\\_18](https://doi.org/10.1007/978-3-319-69856-4_18)
- Solihah Mustafa, Mazdi Marzuki, Ruzanna Syamimi Ramli, Jabil Mapjabil, Mohammad Kadir Zainal Abidin & Mohamad Pirdaus Yusoh. 2015. Pengurusan bandar warisan UNESCO

- dan penglibatan komuniti tempatan: Kajian kes di George Town, Pulau Pinang (Management of UNESCO heritage city and local community involvement: A case study of George Town, Penang). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 11(12): 87-99.
- Tengku Afrizal, & Embong, A. R. (2013). Komuniti dan Pengurusan Persekitaran: Beberapa Pengalaman Malaysia, Bangladesh, Zambia Dan Vietnam. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 31(2).
- Udeaja, C., Trillo, C., Awuah, K. G., Makore, B. C., Patel, D. A., Mansuri, L. E., & Jha, K. N. (2020). Urban heritage conservation and rapid urbanization: Insights from Surat, India. *Sustainability*, 12(6), 2172.
- Yahaya Ibrahim. (2007). Komuniti pulau dalam era pembangunan: Terpinggir atau meminggir? *Akademika*, 70: 57-76.

### **Biodata Penulis:**

**Daeng Haliza Daeng Jamal (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW), Universiti Malaysia Kelantan. Beliau memperoleh Ijazah Doktor Falsafah (Arkeologi- pemuliharaan warisan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 2020. Bidang kepakaran dan penyelidikan beliau ialah pemuliharaan warisan dengan tumpuan penyelidikan ke arah penglibatan masyarakat.

**Nordiana Ab Jabar (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam bidang Pendidikan Kesusasteraan Melayu. Bidang kepakaran beliau sastera Melayu tradisional.

**Suraya Sukri (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di University of York, UK dalam Archaeology (Cultural Heritage Management). Bidang kepakaran beliau ialah pengurusan warisan.

**Farrah Atikah Saari** merupakan pensyarah di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Sarjana di Universiti Tun Hussein Onn dalam bidang Pendidikan Teknik dan Vokasional. Kini sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD di Universiti Malaysia Kelantan dalam bidang Pengajian Warisan.

**Mohd Saipuddin Suliman (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam bidang kesusasteraan. Kepakaran beliau ialah penulisan kreatif.

**Norazlinda Mohamed Rosdi (PhD)** merupakan Pensyarah Kanan di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkelulusan Doktor Falsafah di Universiti Sultan Zainal Abidin - UNISZA dalam bidang Pengurusan Persembahan Seni. Kepakaran dalam bidang Seni Persembahan Melayu.